

**Ali Rustam berundur tanding Naib Presiden Umno?
Malaysian Insider
Sept 21 , 2013**

Terdapat desas-desus mengatakan bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam akan menarik diri daripada perebutan jawatan Naib Presiden Umno.

Akhbar milik Umno Utusan Malaysia melaporkan cakap-cakap mengenai perkara tersebut mula bertiup kencang sejak minggu lalu.

Mohd Ali yang dihubungi akhbar tersebut tidak menafikan atau mengesahkan khabar angin itu sebaliknya meminta semua pihak menunggu sehingga tempoh penyerahan borang pencalonan selesai hari ini.

"Tiada komen, tunggulah esok," katanya kepada Utusan Malaysia merujuk kepada hari penyerahan borang pencalonan hari ini.

Sebelum ini ketiga-tiga penyandang jawatan itu, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Datuk Seri Mohd Shafie Apdal mengesahkan akan mempertahankan jawatan masing-masing.

Ketiga-tiga mereka dicabar Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, Mohd Ali dan terbaru, Menteri Besar Kedah, Datuk Mukhriz Mahathir.

Mukhriz adalah anak kepada bekas presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad yang juga bekas perdana menteri paling lama berkhidmat. – 21 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ali-rustam-berundur-tanding-naib-presiden-umno>